

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan merasakan bahawa komen-komen dan perutusan-perutusan yang amat negatif yang diajukan kepada Kerajaan oleh Kerajaan Australia, Jerman dan Amerika Syarikat dalam isu tatacara dan perbicaraan yang dianggap tidak adil oleh Mahkamah Persekutuan dalam menjatuhkan hukuman berat ke atas Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia sebagai campur tangan Negara luar dalam hal ehwal Malaysia.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Badan Kehakiman adalah sebuah badan yang berfungsi untuk mentadbir dan melaksanakan keadilan di negara ini. Ia adalah suatu badan yang menjalankan kuasa kehakiman dan bebas daripada pengaruh Badan Eksekutif mahupun Perundangan (*legislative*) kerana fungsinya yang bertindak sebagai suatu mekanisma utama dalam penyelesaian apa-apa pertikaian dan melaksanakan keadilan di negara ini. Fungsi-fungsi yang dijalankan adalah fungsi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

2. Sepertimana kita semua sedia maklum, keputusan Mahkamah Persekutuan ialah penimbangtara terakhir bagi kes yang membabitkan Ketua Pembangkang baru-baru ini. Ia diputuskan oleh mahkamah setelah melalui perbicaraan penuh dan rayuan mengikut proses undang-undang (*due process of law*).

3. Setiap kes telah dibicarakan secara adil dan saksama oleh mahkamah. Beliau juga telah diberi kebebasan untuk diwakili oleh sepasukan peguambela yang dilantik mengikut pilihannya sendiri.

4. Selanjutnya, sepanjang enam tahun enam bulan prosiding mahkamah berjalan, beliau telah diberikan oleh mahkamah hak perbicaraan yang adil dan setiap peluang untuk melaksanakan hak-hak perlembagaan. Beliau juga telah mendapat dan menggunakan

setiap peluang untuk membuat semakan dan rayuan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

5. Kerajaan yakin dengan ketelusan sistem kehakiman dan perundangan yang diamalkan di negara ini adalah selaras dengan kedaulatan undang-undang (*rule of law*). Sebagai sebuah negara berdaulat, mana-mana pihak harus menghormati sistem kehakiman dan perundangan negara sebagaimana Malaysia menghormati dan tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara lain.

Sekian, terima kasih.